


Pembentangan Pelajar Latihan Industri di GIST Korea Selatan



Dua pelajar Geologi SST Hardiansyah dan Fawwaz bergambar bersama Pensyarah Geologi

Pada 6 Ogos 2010 satu siri pembentangan pelajar-pelajar SST yang telah mengikuti latihan industri di GIST, Korea Selatan telah diadakan. Pelajar yang telibat ialah Hardiansyah Salleh (Geologi), Mohd Fawwaz (Geologi), Koh Wen Qiang dan Goh Mei Chin (Kimia Industri). Pembentangan telah diadakan dibilik Kuliah 1 SST dan Bilik Tutorial 12 SST. Pembentangan ini telah dihadiri oleh Prof. Madya Dr Kawi Bidin (TD HEP), Prof. Madya Dr Baba Musta (TD P&I), para pensyarah Kimia Industri, pensyarah Geologi dan pelajar tahun akhir SST dari program Geologi dan program Kimia Industri. Tujuan pembentangan ini ialah perkongsian pengalaman oleh pelajar yang mengikuti latihan industri selama 10 minggu dan memberikan suntikan semangat dan bimbingan motivasi kepada pelajar tahun akhir yang bakal mengikuti latihan industri pada Mei – Julai 2011. Program latihan industri ini berupaya menjana ilmu pengetahuan sains dan teknologi kepada pelajar yang turut serta di samping menjadi duta kecil UMS di GIST.

Oleh: PM Dr Baba Musta



Pelajar Kimia Industri yang membentang



Pensyarah dan pelajar tahun akhir yang menghadiri sesi pembentangan di BK 1 dan BT 21